

21 MAY 2003

Adnan-Kasino

PENJELASAN ISU KASINO BUKTI PEMBANGKANG FITNAH, KATA ADNAN

TEMERLOH, 21 Mei (Bernama) -- Penjelasan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa tidak ada kasino di kawasan peranginan Bukit Tinggi di Pahang, membuktikan pembangkang gemar menabur fitnah untuk memburuk-burukkan kerajaan, kata Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob.

Katanya, kenyataan yang mudah dan jelas itu telah menjawab segala tohmahan pembangkang terhadap kerajaan berhubung isu itu, yang telah disiarkan di muka depan akhbar rasmi PAS, Harakah, terbitan bulan Mei, bertajuk "Pahang Darul Kasino?".

"Saya bersyukur dengan kenyataan Perdana Menteri yang menjawab segala tohmahan, jadi tuduhan parti pembangkang bahawa kerajaan menggalakkan aktiviti perjudian dan maksiat adalah tidak benar sama sekali," katanya kepada pemberita sebelum mengadakan pertemuan dengan anggota Umno Bahagian Temerloh di sini.

Semalam, Dr Mahathir menafikan dakwaan kononnya kerajaan telah meluluskan lesen kasino kepada pemaju di kawasan peranginan Bukit Tinggi itu sebaliknya lesen yang diberikan adalah bagi mesin jackpot yang terhad untuk digunakan oleh ahli-ahli kelab di situ.

Adnan berkata meskipun isu itu telah dijawab oleh Perdana Menteri, parti pembangkang akan terus mencari isu-isu lain bagi memburuk-burukkan kerajaan.

"Tuduhan seperti itu adalah perkara biasa dilakukan oleh parti pembangkang yang sentiasa berusaha menabur fitnah kepada kerajaan," katanya.

Mengulas pakej strategi baru untuk memantapkan pertumbuhan ekonomi negara yang diumumkan Dr Mahathir hari ini, Adnan yakin pakej itu mampu memberi faedah kepada pelbagai sektor ekonomi di Pahang.

"Saya yakin seperti pakej ekonomi sebelum ini, banyak faedah akan diperolehi yang dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dan negeri ini," katanya.

-- BERNAMA

MS MAI